

**[FRAMEWORK OF CLASSICAL AND MODERN ISLAMIC GOVERNANCE IN
SUSTAINING THE GOVERNANCE AND SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT
OF UMMAH INSTITUTIONS IN MALAYSIA]**

**KERANGKA TADBIR URUS ISLAM KLASIK DAN MODEN DALAM MELESTARIKAN
TADBIR URUS DAN SOSIOEKONOMI INSTITUSI UMMAH DI MALAYSIA**

Anwar Muttaqin

anwar86@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Ermy Azziaty Rozali

ermy@ukm.edu.my
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Izham Hakimi Redzan

izhamhakimi@ukm.edu.my
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Asyiqin Zohkarnain

P144762@siswa.ukm.edu.my
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Tadbir urus Islam pada asasnya berpaksikan kepada prinsip al-Quran dan al-Sunnah yang menekankan keadilan, amanah, syura, dan integriti. Terdapat banyak pemikiran klasik seperti al-Mawardi dan Ibn Khaldun serta aplikasinya yang boleh memperkasakan institusi pembangunan ummah di Malaysia. Namun bertitik tolak daripada cabaran ketelusan, akauntabiliti, birokrasi dan ketidakcekapan dalam institusi agama seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) akan menjejaskan keberkesanan pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal. Tujuan kajian ini adalah untuk merangka satu model tadbir urus Islam kontemporari yang bersepadu dengan pembangunan sosioekonomi. Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui analisis kandungan sumber primer dan sekunder serta sokongan kaedah perbincangan kumpulan berfokus. Hasil kajian menunjukkan bahawa prinsip tadbir urus Islam seperti syura, amanah, integriti, keadilan dan *maslahah* mampu digabungkan dengan keperluan tadbir urus moden melalui kerangka *Islamic Governant Contemporary* (i-GC) yang menekankan elemen prinsip, struktur dan instrumen. MAIN ditentukan sebagai institusi teras bagi mengaplikasikan model ini kerana kedudukannya yang kukuh dari segi perundangan dan fungsinya yang holistik dalam pembangunan ummah. Implikasi kajian mendapati bahawa i-GC berpotensi memperkuat legitimasi institusi agama, meningkatkan keberkesanan pembangunan sosioekonomi umat, serta menyumbang secara langsung kepada pengukuhan agenda Malaysia Madani melalui tadbir urus yang berintegriti, berdaya saing dan mampan.

Kata Kunci: *Tadbir Urus, Islam, Lestari, Institusi Ummah, Majlis Agama Islam Negeri*

Abstract

Islamic governance is fundamentally rooted in the principles of the Qur'an and al-Sunnah, which emphasise justice, trustworthiness, consultation (syura), and integrity. Classical intellectual traditions, particularly those of al-Mawardi and Ibn Khaldun, offer conceptual frameworks that can strengthen the role of ummah development institutions in Malaysia. However, persistent challenges related to transparency, accountability, bureaucracy, and administrative inefficiency within religious institutions such as the State Islamic Religious Councils (MAIN) continue to undermine the effective management of zakat, waqf, and baitulmal. The purpose of this study is to develop a contemporary Islamic governance model that is integrated with socio-economic development. This study employs a qualitative methodology through content analysis of primary and secondary sources, supported by focus group discussions. The findings reveal that Islamic governance principles such as syura, trustworthiness, integrity, justice, and maslahah can be harmonised with modern governance requirements through the proposed Islamic Governance Contemporary (i-GC) framework, which emphasises the elements of principles, structure, and instruments. MAIN is identified as the central institution for applying this model due to its strong legal foundation and its comprehensive functions in ummah development. The study's implications indicate that the i-GC framework has the potential to enhance the legitimacy of religious institutions, improve the effectiveness of socio-economic development for the Muslim community, and directly contribute to strengthening the Malaysia Madani agenda through governance that is ethical, competitive, and sustainable.

Keywords: Governance, Islam, Sustainability, Ummah Institutions, State Islamic Religious Council.

Article Received:
20 November 2025

Article Reviewed:
28 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Tadbir urus Islam telah menjadi asas dalam sistem pentadbiran yang menitikberatkan keadilan, akauntabiliti, dan ketelusan (Al-Mawardi 1983). Dalam konteks sejarah, pemikiran Al-Mawardi dalam *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* telah menjadi rujukan utama dalam merangka sistem pemerintahan dan pentadbiran yang berkesan, khususnya dalam memastikan kestabilan politik dan pembangunan sosial masyarakat Islam. Prinsip tadbir urus yang diketengahkan oleh Al-Mawardi seperti *al-wilayah* (autoriti kepimpinan), *al-kifayah* (kecekapan), *al-'adl* (keadilan), dan *maslahah* (kepentingan umum) menjadi asas dalam memastikan keberkesanan institusi dan kesejahteraan rakyat (Rosenthal 2009).

Di Malaysia, institusi pembangunan ummah memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan sosio ekonomi masyarakat Islam. Namun, pelbagai cabaran seperti birokrasi yang kompleks, ketidaktelusan, kelemahan akauntabiliti, dan ketidakcekapan pentadbiran telah menjejaskan keberkesanan institusi-institusi ini dalam mencapai objektif yang disasarkan (Gomez 2019). Selain itu, kurangnya reformasi institusi yang berlandaskan prinsip tadbir urus Islam menyebabkan keberkesanan dasar pembangunan ummah menjadi terbatas. Ini sejajar dengan pandangan Siddiquee (2020) yang menegaskan bahawa kelemahan tadbir urus dalam institusi awam boleh mengakibatkan ketidakseimbangan pembangunan serta ketirisan manfaat kepada golongan sasaran.

Berdasarkan kenyataan ini, kajian ini berhujah bahawa pemikiran klasik boleh dijadikan model untuk membangunkan kerangka tadbir urus Islam yang lebih cekap, telus, dan berkesan dalam memperkasakan institusi pembangunan ummah. Walaupun tadbir urus Islam sering dikaji dalam konteks politik dan pemerintahan, penerapannya dalam reformasi institusi pembangunan ummah masih belum diperhalusi secara ilmiah.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberi penekanan kepada pemahaman mendalam dan interpretasi konteks agama dalam tadbir urus. Kaedah penyelidikan ini melibatkan pengumpulan data melalui kajian analisis kandungan dan perbincangan kumpulan berfokus.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian sejarah, iaitu kajian terhadap sesuatu peristiwa, perkembangan atau pengalaman yang telah berlaku pada masa lampau. Kajian ini bertujuan untuk memberi perspektif baru terhadap sesuatu peristiwa, perkembangan atau pengalaman tersebut. Kajian sejarah juga digunakan bagi mengumpul serta menentukan fakta dan bukti secara sistematik dan objektif serta kesimpulan tertentu dibuat berdasarkan fakta dan bukti yang dikumpulkan.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data dibuat melalui analisa kandungan daripada dua sumber, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Kebanyakan data dan maklumat yang dikumpulkan adalah berbentuk makna teks, terdiri daripada buku, tesis, artikel jurnal, bab dalam buku, ensiklopedia, kajian-kajian lepas dan sebagainya. Dalam mengendalikan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa sumber primer, antaranya yang selari dengan objektif kajian iaitu *al-Ahkam Al-Sultaniyyah* tulisan al-Mawardi (w.450h) dan *Muqadimmah* dan *al-'Ibar* karangan Ibn Khaldun (w.808h). Antara sumber sekunder tersebut terdiri daripada buku, artikel jurnal, kertas kerja prosiding, ensiklopedia dan tesis yang ditulis oleh beberapa pengkaji. Tulisan oleh pengkaji-pengkaji ini diyakini dapat menjelaskan fakta dan data daripada sumber primer.

Penganalisan dan Kesahan Data

Data yang diperoleh selanjutnya dianalisis menggunakan pendekatan kebolehpercayaan dan kesahan data. Secara umumnya kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana dapatan kajian boleh diulang dan dengan andaian bahawa kajian ulangan akan memperoleh dapatan yang hampir sama.

Antara pendekatan yang akan dilakukan untuk meningkatkan kebolehpercayaan adalah dengan membuat kesahan data dengan melihat sumber data yang bersifat akademik dan dipercayai. Seterusnya kaedah pengumpulan data mengelakkan bias kepada sesuatu pihak sahaja dan yang terakhir adalah merujuk kepada pakar dalam bidang bagi memastikan kesahihan data.

KAJIAN LITERATUR

Tadbir Urus Islam

Tadbir urus Islam pada asasnya berpaksikan kepada prinsip al-Quran dan al-Sunnah yang menekankan keadilan, amanah, syura, dan integriti. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja membentuk asas pemerintahan negara Islam pada peringkat awal, tetapi turut menjadi rujukan dalam perbahasan kontemporari mengenai konsep tadbir urus yang baik (good governance). Menurut

Anwar (2025), Nabi Muhammad SAW menjadikan syura sebagai mekanisme membuat keputusan, dengan mengutamakan pandangan majoriti dan kepentingan masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa tadbir urus Islam bersifat inklusif serta mementingkan nilai musyawarah.

Selain itu, Ismail (2014) turut menegaskan bahawa tadbir urus yang berkesan perlu berasaskan integriti, kejujuran, dan akauntabiliti. Khulafa al-Rasyidin mengamalkan kepimpinan berlandaskan nilai-nilai tersebut seterusnya menjadikan model yang dirangka mereka relevan sebagai panduan pentadbiran dalam konteks semasa. Bahkan, keberkesanan ini juga terserlah dalam pentadbiran Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang tegas dalam mempertahankan zakat sebagai instrumen keadilan sosial (Anwar & Amalin 2023).

Pemerintahan Khalifah Umar ibn al-Khattab pula memperlihatkan dimensi lain tadbir urus Islam iaitu reformasi institusi dan sistem pendidikan. Beliau menekankan pembangunan masyarakat berilmu dan berdisiplin, di samping membangunkan struktur pentadbiran yang teratur (Anwar et al. 2024). Pandangan ini memperluas pemahaman bahawa tadbir urus Islam bukan sahaja berkisar pada aspek politik, tetapi juga mencakupi pembangunan insan dan peradaban (al-Qudsy et al. 2008).

Manakala, dari sudut teori, Nursyafiqah et al. (2025) menunjukkan peranan tokoh pemikir Islam seperti al-Mawardi yang menyusun kerangka pemerintahan berdasarkan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat. Karya al-Mawardi menekankan bahawa sistem pentadbiran Islam meliputi bidang kehakiman, keselamatan, ekonomi, dan sosial, serta menegaskan kepentingan pembahagian kuasa antara pemerintah dan wazir. Konsep ini menunjukkan bahawa tadbir urus Islam memiliki struktur yang jelas dan sistematik, seiring dengan gagasan tadbir urus moden yang menekankan keberkesanan institusi serta ketelusan (al-Mawardi 1983).

Secara keseluruhannya, prinsip dan amalan tadbir urus Islam yang diwarisi sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke era Abbasiyyah membuktikan kesesuaiannya untuk diaplikasikan dalam konteks kontemporari. Nilai syura, amanah, keadilan, dan integriti yang menjadi tunjang tadbir urus Islam bukan sahaja relevan, malah diperlukan dalam memastikan keberkesanan pentadbiran negara dan institusi agama pada masa kini.

Sosioekonomi dalam Kerangka Tadbir Urus Islam

Sosioekonomi merupakan di antara elemen penting dalam kerangka tadbir urus Islam kerana ia berkait rapat dengan kesejahteraan masyarakat. Prinsip asas seperti keadilan pengagihan harta, pemeliharaan masalah dan tanggungjawab sosial adalah teras kepada pembangunan sosioekonomi yang seimbang. Manakala, dalam konteks Islam, instrumen zakat, wakaf, dan baitulmal bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme kebajikan, tetapi juga sebagai pemacu pembangunan ekonomi umat.

Sebagai contoh, berdasarkan kajian Anwar & Amalin (2023), Khalifah Abu Bakar as-Siddiq menunjukkan ketegasan beliau dalam mempertahankan kewajipan zakat sebagai instrumen sosioekonomi yang mengawal ketidakseimbangan sosial. Zakat bukan sekadar ibadah kewangan, malah berfungsi sebagai alat redistribusi harta yang menyumbang kepada keadilan sosial dan kestabilan masyarakat. Hal yang sama turut diperlihatkan dalam pentadbiran Umar ibn al-Khattab yang mengembangkan peranan institusi pendidikan dan masjid sebagai medium pembentukan masyarakat berilmu (Anwar et al. 2024). Oleh itu, perkara ini menunjukkan bahawa pembangunan sosioekonomi dalam Islam mencakupi aspek kebajikan, pendidikan, dan kesejahteraan sosial (Yusof Ismail 2004).

Manakala, dalam konteks institusi keilmuan, kajian daripada Anwar & Nurul (2025) berkenaan institusi seperti Baitul Hikmah menunjukkan kepentingan terhadap pengurusan ilmu sebagai sebahagian daripada pembangunan sosioekonomi. Baitul Hikmah pada zaman Abbasiyyah bukan sahaja berperanan mengumpulkan dan menterjemah ilmu, tetapi juga memberi sumbangan kepada kemajuan peradaban manusia secara global. Hal ini membuktikan bahawa sosioekonomi dalam kerangka Islam turut merangkumi pembangunan modal insan yang holistik. (Sheikh Hussin & Zulkarnain Yusoff 2011).

Selain itu, berdasarkan kajian Anwar et al. (2024), berkenaan kompleks falak menunjukkan bagaimana institusi agama dapat memainkan peranan dalam menjana ekonomi melalui aktiviti pelancongan berasaskan falak syar'i. Model ini membuktikan bahawa inovasi dalam pengurusan institusi agama berupaya menghasilkan manfaat ekonomi sekaligus memperkukuh kedudukan umat Islam dalam bidang sosioekonomi kontemporari.

Secara keseluruhan, kajian-kajian ini memperlihatkan bahawa pembangunan sosioekonomi berteraskan Islam bukan sahaja berfungsi untuk menangani isu kemiskinan, tetapi juga bertujuan memperkukuh keilmuan, meningkatkan taraf hidup masyarakat, dan membina keseimbangan antara aspek material dan spiritual. Oleh itu, integrasi sosioekonomi dalam kerangka tadbir urus moden adalah penting untuk memastikan keberkesanan tadbir urus Islam yang bersifat inklusif dan menyeluruh.

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Institusi Ummah

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan institusi rasmi di peringkat negeri yang ditubuhkan bagi mengurus hal ehwal agama Islam. MAIN bukan sahaja berperanan dalam aspek pentadbiran agama, tetapi juga mempunyai fungsi penting dalam pengurusan sosioekonomi umat Islam melalui institusi zakat, wakaf, dan baitulmal. Kedudukan MAIN yang kukuh dari segi perundangan menjadikan institusi ini sebagai model penting dalam kerangka i-GC kerana ia menggabungkan aspek tadbir urus agama dengan pembangunan sosioekonomi secara menyeluruh.

Sebagai contoh, kajian seperti *Sejarah Penubuhan dan Punca Kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan* menunjukkan bahawa penubuhan dan pengukuhan MAINS merupakan hasil daripada proses sejarah yang panjang, bermula sejak tahun 1949 (Anwar 2024). Evolusi undang-undang seperti Enakmen Perbadanan Baitulmal dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' membuktikan bagaimana kuasa undang-undang yang diberikan kepada MAIN memperkukuh keberkesanan pentadbiran. MAIN diberi mandat dalam bidang pentadbiran kewangan, pengurusan harta, pelantikan mufti, dan pelaksanaan undang-undang syariah, yang kesemuanya menggambarkan integrasi fungsi agama dan sosioekonomi.

Selain itu, keberkesanan MAIN juga dapat dilihat melalui pengurusan zakat dan wakaf yang memberi impak besar kepada kesejahteraan masyarakat Islam. Dengan adanya struktur yang tersusun dan berlandaskan undang-undang, MAIN berupaya melaksanakan program pembangunan ummah yang inklusif. Hal ini selari dengan semangat Malaysia Madani yang menekankan keadilan, ihsan, kesejahteraan, dan keberdayaan dalam masyarakat (Anwar 2025).

Pada masa yang sama, cabaran yang dihadapi MAIN seperti isu ketelusan, akauntabiliti, serta pengurusan sumber manusia perlu diberi perhatian agar keberkesanan institusi ini dapat dipertingkatkan. Hal ini seiring dengan kajian Nursyafiqah et al. (2025) yang menunjukkan bahawa prinsip tadbir urus Islam sentiasa menekankan keseimbangan antara kuasa pemerintah dan tanggungjawab sosial. Maka, nilai-nilai tersebut wajar dijadikan panduan dalam memperkukuh peranan MAIN sebagai institusi teras dalam membangunkan kerangka i-GC.

PERBINCANGAN

Penelitian Terhadap Konsep Tadbir Urus Islam


Terdapat kajian yang berkaitan dengan tadbir urus Islam telah dibahaskan oleh pengkaji meliputi berbagai aspek penerapan prinsip-prinsip Islam dalam tata kelola dan pengurusan, baik dalam konteks pemerintahan, ekonomi, undang-undang, pendidikan, dan sosial. Beberapa topik yang sering dikaji dalam konteks tadbir urus Islam meliputi:

1. Politik dan Pemerintahan Islam: Dusuki (1974) mentakrifkan tentang sistem politik Islam, konsep negara Islam, hubungan antara agama dan negara, peranan negara dalam menerapkan prinsip-prinsip Islam, serta kajian tentang kepemimpinan dalam konteks Islam.
2. Ekonomi Islam: Kajian yang dilakukan Omardin Ashaari (2008) tentang prinsip-prinsip ekonomi Islam, aturan kewangan Islam, etika perniagaan dalam Islam, zakat dan wakaf sebagai instrumen sumbangan daripada kekayaan, serta penerapan prinsip ekonomi Islam dalam sistem kewangan dan perbankan.
3. Undang-undang Islam: Mazlee Malik (2019) menyatakan tentang penerapan hukum Islam (syariah) dalam sistem keadilan dan perbicaraan, isu perundangan Islam berkaitan kekeluargaan, ekonomi, kewangan, dan jenayah dalam konteks Islam, serta pemikiran hukum Islam dan usul fiqh.
4. Pendidikan Islam: Kajian tentang sistem pendidikan Islam, kurikulum pendidikan Islam, peranan pendidikan dalam pembentukan masyarakat Islam, pengembangan pemikiran dan metode pendidikan yang berlandaskan nilai-nilai Islam (Zahazan 2008).
5. Sosial dan Kesejahteraan: Kajian tentang penerapan prinsip-prinsip keadilan sosial dalam Islam, peranan zakat, wakaf, dan sedekah dalam pembasmian kemiskinan dan kesejahteraan sosial, serta isu-isu sosial yang berkaitan dengan Islam, seperti hak asasi manusia, gender, dan perubahan sosial.

Kerangka i-GC (Islamic Governance Contemporary)

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu dan peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), artikel ini mencadangkan satu model Kerangka i-GC (Islamic Governance Contemporary) yang berteraskan integrasi antara tadbir urus Islam, pembangunan sosioekonomi, dan fungsi institusi agama. Kerangka ini menekankan tiga elemen utama: prinsip, struktur, dan instrumen, yang saling berhubung untuk mencapai matlamat kesejahteraan ummah.

Rajah 1



Cadangan kerangka i-GC (Islamic Governance Contemporary) memperlihatkan beberapa kekuatan utama yang menjadikannya relevan untuk diaplikasikan dalam konteks semasa. Pertama, i-GC berteraskan kepada prinsip Islam yang bersifat universal dan bersepadu, seperti syura, amanah, integriti, dan keadilan (al-Qudsy et al 2008). Prinsip ini terbukti berkesan sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin dan kekal relevan untuk menangani cabaran tadbir urus moden (Anwar 2025). Kedua, i-GC menekankan integrasi antara agama dan sosioekonomi yang sejajar dengan pengalaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar ibn al-Khattab yang menegaskan kepentingan zakat, pendidikan, dan pembangunan masyarakat (Anwar 2025).

Namun begitu, terdapat cabaran besar dalam merealisasikan i-GC. Pertama, isu ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan institusi agama masih sering menjadi perhatian masyarakat. Hal ini berkaitan dengan tahap kecekapan pentadbiran, pemantauan penggunaan dana zakat dan wakaf, serta ketelusan dalam pelaksanaan dasar. Kedua, cabaran sumber manusia dan inovasi turut wujud, khususnya dalam memastikan pengurusan MAIN berdaya saing dengan institusi moden. Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat melalui kajian lepas seperti kajian mengenai Baitul Hikmah dan Kompleks Falak al-Khawarizmi, yang pengurusan ilmu dan inovasi adalah penting untuk memastikan keberlangsungan pembangunan sosioekonomi (Anwar & Nurul 2025; Anwar et al. 2024).

Manakala daripada segi implikasi, i-GC berpotensi menjadi model tadbir urus Islam kontemporari yang dapat dijadikan rujukan bukan sahaja oleh MAIN, tetapi juga oleh institusi agama lain di Malaysia. Pertama, kerangka ini dapat memperkukuh legitimasi institusi agama, kerana ia berlandaskan nilai Islam yang sejati sambil memenuhi tuntutan keberkesanan tadbir urus moden. Kedua, i-GC berupaya meningkatkan keberkesanan pembangunan sosioekonomi umat, khususnya dalam pengurusan zakat, wakaf, dan baitulmal yang lebih strategik. Ketiga, kerangka ini juga menyumbang kepada gagasan Malaysia Madani, yang menekankan nilai kemampanan, keadilan, dan kesejahteraan sosial (Anwar 2025).

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa kerangka i-GC bukan sahaja mampu memperkukuh tadbir urus agama dan sosioekonomi umat Islam, tetapi juga menyediakan satu model yang praktikal untuk diaplikasikan dalam konteks kontemporari Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan komitmen serius daripada MAIN dan sokongan pelbagai pihak agar cabaran yang wujud dapat ditangani dengan berkesan.

KESIMPULAN

Kerangka i-GC (Islamic Governance Contemporary) yang diketengahkan dalam artikel ini menekankan tiga elemen utama: prinsip, struktur, dan instrumen. MAIN diposisikan sebagai institusi utama kerana keupayaannya menggabungkan tadbir urus agama dengan pembangunan sosioekonomi secara bersepadu. Oleh itu, dengan sokongan instrumen seperti zakat, wakaf, baitulmal, pendidikan, dan inovasi keilmuan, i-GC berpotensi menjadi model tadbir urus Islam moden yang menyeluruh dan mampan.

Kajian ini menyumbang secara ilmiah dengan memperkenalkan satu model kerangka tadbir urus Islam yang lebih kontekstual untuk Malaysia, khususnya dalam menyokong agenda Malaysia Madani yang menekankan kesejahteraan, keadilan, dan kemampanan. Walau bagaimanapun, terdapat batasan yang perlu diakui, antaranya cabaran pelaksanaan berkaitan ketelusan, kecekapan pengurusan serta keupayaan institusi agama untuk berinovasi. Justeru, kajian lanjutan boleh memberi fokus kepada aplikasi praktikal i-GC di peringkat negeri bagi menilai keberkesanan sebenar model ini.

Secara keseluruhan, kerangka i-GC diharap dapat memperkukuh kedudukan Islam dalam pentadbiran moden dengan mengintegrasikan aspek agama dan sosioekonomi. Dengan pelaksanaan yang berkesan, kerangka ini berpotensi menjadikan institusi agama sebagai pemacu utama ke arah pembangunan umat Islam yang seimbang, berdaya saing, dan berintegriti.

PENGHARGAAN

Artikel ini diterbitkan menggunakan dana RH-2025-002 Masa Policy Development Programme Grant bertajuk *Pembinaan Kerangka Tadbir Urus Islam al-Mawardi dalam Memperkasakan Institusi Pembangunan Bumiputera*.

RUJUKAN

- Anwar Muttaqin & Amalin Abd Aziz. (2023). Analisis Teori Tadbir Urus Islam Era Khalifah Abu Bakar As-Siddiq Berdasarkan Sumber Al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 177-188.
- Anwar Muttaqin & Nurul Sofea Adriana Norazman. (2025). Model Tadbir Urus Baitul Hikmah: Inspirasi Pembentukan Institusi Keilmuan dalam Kerangka Malaysia Madani. *Jurnal Yadim: International Journal of Islam and Contemporary Affairs* 5(2): 1-17.
- Anwar Muttaqin, Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Md Yazid Ahmad, Badlihisham Mohd Nasir, Mohd Hafiz Safiai & Che Nur Hasyimah Che Hasanusi. (2024). Analysis of Governance in the Era of the Caliphate of Umar Ibn Al-Khattab: A Preliminary Study. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 12(10): 1046-1050.
- Anwar Muttaqin, Roziah Sidik @ Mat Sidek & Wafirah Ilmi Mufidah. (2024). Tadbir Urus Kompleks Falak Al Khawarizmi ke Arah Pemeraksanaan Astrotourism: Satu Analisis. *Jurnal 'Ulwan* 9(2): 1-19.
- Anwar Muttaqin. (2024). Sejarah Penubuhan dan Punca Kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dlm. Adicita Inteligensia Sejarah dan Tamadun Islam. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Anwar Muttaqin. (2025). Model Tadbir Urus Islam Era Khulafa Al-Rasyidin: Teladan Masyarakat Madani. Dlm. Intelektualisme Islam Asia Barat & Alam Melayu. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Anwar Muttaqin. (2025). Model Tadbir Urus Islam Era Rasulullah: Pemangkin Malaysia Madani. Dlm. Pemugaran Sains Peradaban dalam Kerangka Madani. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Azdi, M. S., Ismail, S. H. S. & Basir, S. A. (2023). Practices of Islamic Governance: A Comprehensive Study with Focus on NGOs. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 234-244.
- Bayu Karunia Putra, Azizatul Farhaini, Dinatul Aini, Siti Nurjannah, Noviana, Iza Martha Padila, Nanik Azizah & Husnul Maab. (2023). Relevance of Islamic political thought according to Al-Mawardi in Indonesia. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan* 9(18): 827-842.
- Dusuki Ahmad. (1974). *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail, M. H. (2014). Kelebihan dan Manfaat Tadbir Urus Baik Serta Perkhidmatan Berkualiti Kepada Strategi Pemasaran Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI). *Jurnal Pendidikan* 1(2): 72-87.
- al-Mawardi. (1983). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Kaherah: Dar al-Syabab Li al-Taba'ah.
- Maszlee Malik. (2019). *Asas Tadbir Urus Islam*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Mohammed Veqar Ashraf Khan & Mohammad Shahadat Hossain. 2021. Governance: Exploring the Islamic approach and its relevance for the modern context. *International Journal of Islamic Khazanah* 11(1): 29-40.
- Nursyafiqah Ruzali, Anwar Muttaqin, Ermy Azziaty Rozali, Ezad Azraai Jamsari, Md Yazid Ahmad, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Hafiz Safiai, Ghazali Zainuddin & Badlihisham Mohd Nasir. (2025). The Abbasid Rule in Baghdad and the Islamic Governance Concept According to Al-Mawardi: A Literature Review. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 13(06): 1119-1126.

- Omardin Ashaari. (2008). *Sistem Politik Dalam Islam*. Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia :Kuala Lumpur.
- al-Qudsy, S. H. S. I., Rahman, A. A. & Zain, M. I. M. (2008). Efektif Governan dan Pelaksanaannya dalam Pentadbiran Islam. *Jurnal Syariah* 16: 465-496.
- Sheikh Hussin Ab. Rahman Al Amudi & Zulkarnain Yusoff. (2011). *Profesionalisma dan Tadbir Urus Islam Menurut Al-Quran*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Yusof Ismail. (2004). *Mengurus Secara Islam Model dan Prinsip-prinsip Pengurusan Islam bagi Individu dan Organisasi*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Zahazan Mohamed. (2008). *Sistem Politik Islam: Menurut Pandangan Al-Quran, Al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.